

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(XI)1

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERTAM
YB. KHALIQ MEHTAB BIN MOHD ISHAQ**

1. Bilakah tarikh jangkaan stadium Hoki MBSP Bertam dapat disiapkan?

**YB. SOON LIP CHEE
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

1. Kerja-kerja menaik taraf padang hoki serta pemasangan lampu limpah di padang hoki Kompleks Sukan MBSP Bertam, Kepala Batas, Pulau Pinang dijangka akan disiapkan pada 6 Julai 2020. Walau bagaimanapun, tarikh siap kerja ini belum mengambil kira tempoh Perintah Kawalan Pergerakan bermula pada 18 Mac 2020 hingga 28 April 2020 di mana kontraktor tidak dapat menjalankan kerja-kerja naik taraf. Pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB) akan melaksanakan kerja sambungan bekalan elektrik selepas Perintah Kawalan Pergerakan.